

Pemalsuan Dokumen dan Kedudukannya dalam Perundangan Syariah di Malaysia

Document Falsification and Its Position in Shariah Law in Malaysia

Mohamad Aniq Aiman Alias

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia

aniqalias@raudah.usim.edu.my

Kata Kunci:

*Dokumen;
Pemalsuan;
Keterangan;
Mahkamah
Syariah;
Perundangan
Syariah*

ABSTRAK

Dokumen merupakan salah satu bentuk kaedah pembuktian terpenting yang digunakan di Mahkamah Syariah mahupun di Mahkamah Sivil. Ini kerana, dokumen telah digunakan secara meluas dalam pelbagai urusan harian manusia seperti muamalat, pernikahan dan sebagainya dan ia dijadikan sebagai bukti terhadap urusan yang telah dijalankan. Walau bagaimanapun, ini tidaklah bermakna dokumen tersebut akan terlepas daripada unsur penipuan dan pemalsuan yang akhirnya akan menguntungkan pihak pesalah dan memberi kemudahan kepada mangsa. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk memperjelaskan konsep keterangan secara dokumentar dan pemalsuannya menurut perspektif perundangan Islam. Penyelidik juga telah membincangkan bentuk umum pemalsuan dokumen yang kebiasaannya berlaku menurut perundangan Islam dan menganalisis peruntukan berkaitan kesalahan pemalsuan dokumen di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah Malaysia. Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan pendekatan secara kualitatif iaitu menggunakan kaedah analisis dokumen seperti Al-Quran, hadis, peruntukan, jurnal, artikel, tesis, buku, kertas kerja dan rujukan dokumen yang berkaitan. Hasil kajian menunjukkan, pemalsuan dokumen adalah salah satu bentuk cabaran yang akan dihadapi ketika mengemukakan keterangan dokumentar di Mahkamah. Di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah, tiada peruntukan khusus bagi kesalahan pemalsuan secara umum, sebaliknya, ia disabitkan di bawah kesalahan menghina Mahkamah sahaja. Kajian ini juga mencadangkan agar Mahkamah Syariah Malaysia perlulah melihat amalan dan praktis daripada pengamal undang-undang Sivil ketika mengendalikan kes-kes berkaitan pemalsuan dokumen dan menganalisis peruntukan yang ditetapkan di bawahnya.

Kata Kunci:

Document;
Falsification;
Evidence; Syariah
Court; Sharia
Law

ABSTRACT

Documents are one of the most important forms of evidence used in the Syariah and Civil Court. This is because documents have been widely used in various daily human affairs such as *muamalat*, marriage and other, and they function as evidence of the affairs conducted. However, this does not mean that document will be free from fraud and forgery, benefiting the offender and harming the victim. Therefore, this study aims to clarify the concept of documentary evidence and its falsification according to the perspective of Islamic law. Researchers have also discussed the common forms of document forgery that usually occur according to Islamic law and analysed the provisions related to the offence of document forgery under the jurisdiction of the Malaysian Syariah Court. In this study, the researcher has used a qualitative approach to use the method of document analysis such as the Quran, hadiths, provisions, journals, articles, theses, books, working papers and related document references. The results of the study show that falsification of documents is one of the challenges that will be faced when presenting documentary evidence in Court. Under the jurisdiction of the Syariah Court, there is no specific provision for the offence of forgery in general; on the contrary, it is convicted under the offence of contempt of Court only. This study suggests that the Malaysian Syariah Court needs to look at the practices and practices of Civil law practitioners when handling cases related to the forgery of documents and analyse the provisions stipulated under it.

Received: January 5, 2023

Accepted: April 3, 2023

Online Published: June 26, 2023

PENDAHULUAN

Dalam dunia yang semakin canggih ini, keterangan melalui dokumen telah menjadi sebahagian daripada kaedah pembuktian yang penting di mahkamah sama ada untuk digunakan di Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah. Ini kerana, masyarakat pada zaman ini banyak menggunakan dokumen untuk dijadikan sebagai bukti dalam pelbagai urusan harian seperti *muamalat*, perkahwinan dan sebagainya (Alias et al., 2021a). Bukan itu sahaja, kemajuan pesat dalam sains dan teknologi juga telah menghasilkan pelbagai bentuk dokumen baharu telah pun muncul seperti rakaman video, gambar, resit, kamera litar tertutup (CCTV), khidmat pesanan ringkas (SMS), rakaman audio dan lain-lain (Wan Ismail et al., 2020; Yahya et al., 2017). Ini disebabkan oleh, keterangan melalui dokumen dilihat dapat mengukuhkan fakta dan bukti lain dalam prosiding mahkamah (Ahmad et al., 2020).

Sungguhpun begitu, keterangan melalui dokumen tidak terlepas dari unsur penipuan dan pemalsuan disebabkan wujudnya segelintir masyarakat yang melakukan pemalsuan terhadap dokumen demi meraih keuntungan sendiri semata-mata (Alias et al., 2021; Wan Ismail, 2020). Kenyataan ini juga turut disokong oleh Yahya et al., (2017), salah satu cabaran ketika menerima pakai dokumen sebagai kaedah pembuktian di Mahkamah ialah pemalsuan. Menurut Abdul Hadi & Paino (2016) juga, pemalsuan dokumen ini dianggap sebagai suatu jenayah apabila terdapat niat dan mekanisma untuk melakukan penipuan terhadap dokumen yang dikemukakan tersebut.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk memperjelaskan konsep keterangan secara dokumentar dan pemalsuannya menurut perspektif perundangan Islam. Penyelidik juga akan membincangkan bentuk umum pemalsuan dokumen yang kebiasaan berlaku dan peruntukan berkaitan kesalahan pemalsuan dokumen mengikut undang-undang Syariah Malaysia.

SOROTAN LITERATUR

Sebelum kajian ini dijalankan, terdapat beberapa kajian lepas yang telah membincangkan berkaitan dokumen sebagai kaedah pembuktian secara umum dan cabaran dalam mengemukakannya di prosiding mahkamah. Walau bagaimanapun, masih tiada kajian khusus yang membincangkan berkenaan konsep keterangan dokumen dan pemalsuannya menurut perspektif Islam.

Dalam kajian yang telah dibuat oleh Urus dan Azhar (2018), penulis telah membincangkan bahawa dokumen boleh digunakan sebagai kaedah pembuktian di prosiding mahkamah. Ini disebabkan kerana sesuatu dokumen yang direkodkan mampu untuk dijadikan sebagai hujah untuk mensabitkan atau menafikan sesuatu kes yang dibicarakan di mahkamah. Ini dapat dilihat dalam kes *Halijah Abdul Rahman lwn Zambree Baharom* [2009] 1 CLJ (SYA) 402 dimana suami telah membuat lafaz cerai melalui SMS kepada isterinya. Dalam kes ini, mahkamah telah menerima keterangan secara dokumentar iaitu SMS sebagai hujah untuk menunjukkan pasangan suami isteri tersebut bercerai.

Selain itu, dalam kajian yang telah dijalankan oleh Yahya et al., (2017), penulis telah menyatakan bahawa terdapat beberapa cabaran yang akan dihadapi ketika mengemukakan

keterangan secara dokumentar. Antaranya ialah dokumen tersebut mudah untuk dimanipulasikan dan akhirnya berlakulah pemalsuan terhadap bukti tersebut. Ini disebabkan oleh wujudnya segelintir masyarakat yang akan memalsukan dokumen demi meraih keutungan sendiri semata-mata (Al-Mubarak, 2005).

Seterusnya, Wan Ismail et al., (2019) di dalam artikelnya yang bertajuk “*Understanding of Syariah Practitioners in Malaysia on Document Forgery*”, penulis telah menganalisis jenis-jenis pemalsuan dokumen yang berlaku di Mahkamah Syariah Malaysia. Antaranya ialah pemalsuan sijil nikah, pemalsuan tandatangan, pemalsuan perakuan sakit dan sebagainya. Walau bagaimanapun, penulis tidak membincangkan secara terperinci berkenaan konsep pemalsuan dokumen dan kedudukannya menurut perundangan Islam di Malaysia.

Berdasarkan kepada kajian sebelumnya menunjukkan bahawa masih tiada kajian khusus yang membincangkan berkaitan konsep pemalsuan dokumen dan kedudukannya menurut perundangan Islam. Sebaliknya, kajian sebelumnya hanya membuat perbincangan berkaitan keterangan dokumentar dan cabaran dalam mengemukakannya di Mahkamah secara umum. Bagi mengisi kelompongan tersebut, penyelidik akan memperjelaskan konsep pemalsuan dokumen dan kedudukannya menurut perundangan Islam dalam kajian ini.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis dokumen. Analisis dokumen merupakan kaedah yang sistematik yang diperoleh sama ada didengar, diperoleh dan dilihat dengan merujuk kepada kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema atau apa jua mesej yang telah dokomunikasikan (Babbie, 2010; & Sabitha Merican, 2009). Analisis dokumen yang dibuat sama ada merujuk kepada dokumen berbentuk fizikal ataupun elektronik (Bowen, 2009). Dalam kajian ini, penyelidik telah merujuk kepada dua sumber utama iaitu data primer dan sekunder. Data primer yang telah dirujuk adalah seperti Al-Qur'an, hadis, Akta keterangan mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561] dan Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 [Akta 585], manakala data sekunder adalah seperti kertas kerja, buku, artikel, tesis, jurnal dan dokumen berkaitan. Data yang dikumpul kemudiannya dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan untuk memahami dan mengekstrak maklumat penting dan berguna daripada teks dokumen dan dipersembahkan dalam subtema (Leavy, 2017).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Keterangan melalui Dokumen di Mahkamah Syariah Malaysia

Secara umumnya, keterangan adalah sangat penting dalam sesuatu perbicaraan di mahkamah. Tanpa keterangan, sesuatu hukuman tidak akan dapat dilaksanakan dengan adil (A. Othman, 1990). Di Mahkamah Syariah Malaysia, kaedah pembuktian yang digunakan dalam proses pensabitan dan penafian dalam sesuatu dakwaan adalah seperti *iqrar*, syahadah, sumpah, *qarinah* dan dokumen. Pada zaman ini, keterangan melalui dokumen telah memperlihatkan bahawa dokumen telah menjadi salah satu kaedah pembuktian yang terpenting di mahkamah

(Alias et al., 2021b). Ini menunjukkan, dokumen memainkan peranan yang cukup penting di Mahkamah Sivil dan juga Mahkamah Syariah.

Dalam bahasa Arab, dokumen berasal daripada perkataan *Al-kitabah, kataba, katban, kitaban, kitabatan* dan *maktubah* yang membawa maksud tulisan. Dari segi istilah pula, Al-Zuhayli (1994) telah mendefinisikan dokumen sebagai sesuatu perkataan yang menggunakan huruf tertentu dengan syarat jelas dan boleh difahami. Ibn 'Abidin (1995) juga mentakrifkan dokumen sebagai catatan bertulis pada helaian, tanah, atau dinding yang boleh difahami jika dibaca. Walau bagaimanapun, kedua-dua definisi dokumen yang dinyatakan di atas memberikan gambaran yang agak sempit. Hal ini kerana, pada masa kini, terdapat pelbagai bentuk dokumen baharu yang boleh dijadikan bahan bukti di mahkamah seperti gambar, video, perakam bunyi, CCTV, SMS dan lain-lain lagi.

Oleh itu, penyelidik telah merujuk kepada definisi yang telah dinyatakan oleh Wan Ismail (2020) iaitu, dokumen boleh ditakrifkan sebagai “menjelaskan atau menyifatkan sesuatu dengan menggunakan tulisan atau lakaran atau salinan yang berbentuk zahir sama ada dalam bentuk klasik seperti menggunakan kertas, kayu dan seumpamanya atau dokumen dalam bentuk moden seperti penggunaan disket, cakera padat, internet dan seumpamanya”. Takrifan yang dinyatakan oleh Wan Ismail dilihat selari dengan takrifan dokumen seperti yang telah diperuntukkan di bawah Seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561] yang dirujuk oleh Mahkamah Syariah dan Seksyen 3 Akta Keterangan 1950 [Akta 50] yang dirujuk oleh Mahkamah Sivil seperti mana berikut:

Seksyen 3. Tafsiran.

"dokumen" ertinya apa-apa hal yang dinyatakan, diperihalkan, atau bagaimana jua pun digambarkan, atas apa-apa benda, bahan, barang atau artikel, termasuklah apa-apa hal yang terkandung dalam cakera, pita, filem, runut bunyi atau apa jua pun peranti lain, dengan menggunakan-

- i. huruf, angka, tanda, simbol, isyarat, lambang, atau apa jua pun bentuk pernyataan, perihalan, atau gambaran lain;
- ii. apa-apa rakaman visual (sama ada imej kaku atau bergerak);
- iii. apa-apa rakaman bunyi, atau apa-apa jua pun rakaman elektronik, magnetik, mekanikal atau rakaman lain dan walau bagaimana jua pun dibuat, atau apa-apa bunyi, dedenyut elektronik, atau apa jua pun data yang lain;
- iv. suatu rakaman, atau pemancaran, dari suatu jarak, apa-apa hal dengan mana-mana, atau apa-apa kombinasi, cara yang disebut dalam perenggan (i), (ii) atau (iii),
- v. atau dengan lebih daripada satu cara yang disebut dalam perenggan (i), (ii), (iii) dan (iv), yang dimaksudkan untuk digunakan atau yang mungkin digunakan bagi tujuan menyatakan, memperihalkan, atau dengan apa jua cara sekalipun menggambarkan.

Selain itu, terdapat beberapa dalil daripada Al-Quran dan hadis dalam meraikan dokumen sebagai kaedah pembuktian. Firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu.*

(Surah Al-Baqarah 2:282)

Ayat ini menunjukkan, Allah SWT memerintahkan manusia supaya membuat catatan mengenai perkara hutang piutang kerana penulisannya boleh dijadikan bukti dari segi jumlah dan masa transaksi itu berlaku dan lebih menguatkan saksi (Ibn Kathīr, 2003). Selain itu, Rasulullah SAW juga ada menyebut mengenai kepentingan dokumen seperti mana berikut:

«مَا حَقُّ امْرِئٍ مُّسْلِمٍ لَهُ شَيْءٌ يُوصِي فِيهِ يَبِيْتُ لِثَلَاثِينَ إِلَّا وَوَصِي مَتَّهِمَتُهُمْ»

Maksudnya: *Adalah menjadi kewajipan bagi seorang Muslim yang mempunyai sesuatu yang diwasiatkan untuk tidak memilikinya selama dua malam tanpa ditulis wasiat mengenainya.*

(Riwayat al-Bukhari)

Hadis ini menekankan kepentingan mempunyai wasiat yang didokumentasikan. Ibn Qayyim al-Jawziyyah (2007) berkata: "mengapa Rasulullah SAW meminta seseorang untuk mencatat wasiatnya jika dokumen itu tidak diterima sebagai bukti?". Berdasarkan dua dalil di atas menunjukkan kepentingan dokumen sebagai kaedah pembuktian menurut Islam.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa dokumen mempunyai peranan yang cukup besar sebagai kaedah pembuktian di Mahkamah. Selain itu, Islam juga meraikan dokumen kerana boleh dijadikan sebagai bukti pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, kepelbagaian bentuk dokumen yang baharu membuka ruang untuk pemalsuan dokumen berlaku. Ditambah pula dengan wujudnya segelintir masyarakat yang mempunyai sikap tidak bertanggungjawab atau individu yang mempunyai nilai moral dan agama yang rendah mendorong mereka untuk melakukan pemalsuan dokumen (Al-Mubarak, 2005). Dalam bahagian seterusnya, penyelidik akan memperjelaskan berkaitan konsep pemalsuan dokumen dan kedudukannya dalam Islam.

Pemalsuan Dokumen Dan Kedudukannya Dalam Islam

Pemalsuan dokumen merupakan salah satu cabaran yang bakal dihadapi apabila menggunakan dokumen sebagai bukti di Mahkamah. Walaupun bukti melalui dokumen ini akan terus kekal dalam keadaan asal, ini tidak bermakna dokumen tersebut akan terlepas daripada unsur pemalsuan yang akhirnya menguntungkan pihak yang zalim dan merugikan pihak yang berhak (Wan Ismail et al., 2021a).

Al-tazwir ialah perkataan dalam bahasa Arab iaitu pemalsuan. Perkataan *al-tazwir* tersebut merujuk kepada pemalsuan yang membawa maksud dusta dan ia berasal daripada perkataan *zawwara* yang bermaksud perkataan atau perbuatan yang menyimpang daripada kebenaran. Perkataan *tazwir* telah disebutkan secara jelas di dalam Al-Quran:

﴿ذَلِكَ وَمَنْ يُعْظَمِ حُرْمَتِ اللَّهِ فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ عِنْدَ رَبِّهِ وَأُحِلَّتْ لَكُمْ الْأَنْعَامُ إِلَّا مَا يُتْلَى عَلَيْكُمْ ۖ فَاجْتَنِبُوا الرِّجْسَ مِنَ الْأَوْثَانِ وَاجْتَنِبُوا قَوْلَ الزُّورِ﴾

Maksudnya: *Itulah yang wajib dipatuhi; dan sesiapa yang menghormati hukum-hukum Allah maka yang demikian menjadi kebaikan baginya di sisi Tuhannya. Dan dihalalkan bagi kamu binatang-binatang ternak, kecuali yang dibacakan kepada kamu (tentang haramnya), maka jauhilah kekotoran syirik yang disebabkan oleh penyembahan berhala, serta jauhilah perkataan yang dusta.*

(Surah al-Hajj 22:30)

Ayat ini menunjukkan, melakukan dusta seperti berkata-kata palsu dan perkataan palsu adalah satu bentuk syirik kepada Allah SWT dan ia termasuk dalam kategori dosa besar (Ibn Kathīr, 2003). Sebahagian ulama mendefinisikan *tazwir* sebagai perbuatan mengubah sesuatu sehingga dilihat asli untuk menutup kebenaran dan mendedahkan kebatilan seolah-olah benar (Al-Ṭabarī, 1405H). Dalam kitab *Al-Mausū'ah Al-Fiqhiyyah* (1984), pemalsuan ditakrifkan sebagai perbuatan yang mengaburi kebenaran sehingga tidak nampak sama ada dalam perkataan seperti saksi palsu atau perbuatan seperti meniplak tulisan dengan tujuan menipu dalam pembuktian.

Bukan itu sahaja, pemalsuan dokumen juga dianggap sebagai jenayah apabila ada niat untuk melakukan penipuan. Ini kerana, pemalsuan dokumen boleh disifatkan sebagai perbuatan memusnahkan, mengubahsuai, mencatitkan, atau memalsukan mana-mana dokumen asli (Abdul Hadi & Paino, 2016). Oleh itu, apa sahaja yang membawa kepada penipuan seperti keterangan palsu dan pemalsuan tandatangan juga termasuk dalam kategori pemalsuan dokumen.

Menurut Mahmoud Hasan (2010), perbuatan memalsukan dokumen adalah kezaliman kerana telah menzalimi pihak yang berhak dengan memenangi pihak yang berbohong. Terdapat ayat-ayat Al-Quran yang memperingatkan tentang hukuman bagi mereka yang melakukan kebohongan, termasuk pemalsuan dokumen. Firman Allah SWT dalam Surah al-Zumar ayat 60:

﴿وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ تَرَى الَّذِينَ كَذَبُوا عَلَى اللَّهِ وُجُوهُهُم مُّسْوَدَّةٌ ۗ أَلَيْسَ فِي جَهَنَّمَ مَثْوًى لِّلْمُتَكَبِّرِينَ﴾

Maksudnya: Dan pada hari kiamat, engkau akan melihat orang-orang yang berdusta terhadap Allah (dan yang menyatakan kesedihan itu) - muka mereka hitam legam; bukankah (telah diketahui bahawa) dalam neraka Jahannam disediakan tempat tinggal bagi orang-orang yang sombong takbur?.

(Surah al-Zumar 39:60)

Selain itu, perbuatan ini secara tidak langsung akan mengundang kemurkaan Allah SWT. Nabi Muhammad SAW menekankan hal ini dalam hadis berikut:

«أَلَا أُنبئُكُمْ بأَكْبَرِ الكِبَائِرِ؟ ثلاثاً، قالوا: بلى يا رسول الله، قال: الإِشْرَاكُ بِاللَّهِ، وَعُقُوقُ الوَالِدَيْنِ، أَلَا وَقَوْلُ الزُّورِ»

Maksudnya: Mahukah kamu aku beritahu kamu dosa yang paling besar? Rasulullah mengulanginya tiga kali. Para sahabat menjawab, “Bahkan wahai Rasulullah”. Maka Rasulullah SAW bersabda, “Syirik kepada Allah, derhaka kepada ibu bapa dan kesaksian palsu.

(Riwayat al-Bukhari. Hadis no. 2654)

Kesimpulannya, berdasarkan konsep dan definisi pemalsuan yang telah dibincangkan di atas, dapatlah difahami bahawa pemalsuan dokumen adalah perbuatan yang mengubah maksud asal sesuatu dokumen untuk memperdaya dan boleh membawa kemudaratan kepada orang lain. Di samping itu, peruntukan al-Quran dan hadis yang disebutkan di atas menunjukkan bahawa pemalsuan dokumen juga termasuk dalam perbuatan yang mengundang kemurkaan Allah SWT.

Bentuk Pemalsuan Dokumen secara Umum menurut Perundangan Islam

Pada zaman ini, penggunaan dokumen semakin berleluasa untuk kegunaan sama ada di peringkat kerajaan mahupun orang ramai (Wan Ismail, 2020). Tambahan pula, kemajuan sains dan teknologi yang pesat telah menghasilkan pelbagai variasi dan bentuk dokumen baharu, seperti CCTV, gambar, rakaman video atau bunyi, dan lain-lain (Wan Ismail et al., 2021b). Hal ini secara tidak langsung membuka ruang untuk berlakunya pemalsuan.

Menurut Kamal (1992), bentuk pemalsuan secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu pemalsuan yang dilakukan secara jelas (*Al-Maddi*) dan pemalsuan dilakukan secara tidak jelas (*Al-Ma'nawi*). *Al-maddi* boleh ditakrifkan sebagai pemalsuan yang dilakukan secara jelas atau terang-terangan. Menurut Wan Ismail (2015), pemalsuan yang dilakukan secara jelas (*Al-Maddi*) ialah perubahan yang dilakukan oleh seseorang secara eksplisit dan perubahan itu meninggalkan kesan yang nyata dan mudah untuk dikesan. Contohnya, menyalin tandatangan orang lain adalah salah satu bentuk pemalsuan dokumen dalam kategori *al-maddi*. Menurut Alias (2021 et al., 2021d), tandatangan memainkan peranan penting kerana ia merupakan

keperluan asas untuk memastikan sesuatu dokumen itu sah atau tidak di sisi undang-undang, khususnya ketika berurusan dengan dokumen rasmi. Disebabkan kedudukan tandatangan ini sangat penting, maka ada pihak yang cuba memalsukan tandatangan tersebut untuk mengaut keuntungan untuk diri sendiri dan merugikan orang yang berhak.

Selain itu, kenyataan ini juga berdasarkan kepada peristiwa pembunuhan Sayidina Uthman apabila ada pihak yang menggunakan tandatangannya sebagai khalifah ketika itu tanpa pengetahuannya sehingga menyebabkan kematian beliau. Sejarah menunjukkan bahawa, kesan daripada pemalsuan ini dilihat sangat besar kerana boleh membawa kepada pembunuhan seseorang.

Pemalsuan melalui *Al-Ma'nawi* pula adalah pemalsuan yang dilakukan secara samar-samar atau tidak jelas. Pemalsuan dokumen melalui *al-ma'nawi* dicapai dengan menukar maksud asal dokumen (Wan Ismai; et al., 2015). Daripada segi ciri-ciri dokumen itu sendiri, ia tidak menjejaskan bentuk dokumen secara zahir melainkan kita melihatnya dengan teliti. Menurut Syinyur (2005), pemalsuan melalui *al-ma'nawi* biasanya berlaku dalam dua keadaan iaitu mengubah maksud asal dokumen dan memalsukan kandungan dokumen asal. Sebagai contoh, seseorang telah menukar status perceraian daripada talak tiga sekali gus kepada talak tiga secara berasingan. Perbuatan ini adalah termasuk dalam kategori pemalsuan yang dilakukan secara tidak jelas (*Al-Ma'nawi*), yang memerlukan dokumen tersebut diperiksa secara terperinci.

Sebagai kesimpulannya, terdapat dua bentuk umum pemalsuan dokumen yang boleh berlaku iaitu sama ada dalam bentuk *maddi* atau *ma'nawi*. Daripada perbincangan di atas, *al-maddi* adalah salah satu bentuk pemalsuan yang dapat dilihat dengan jelas tentang kepalsuannya seperti pemalsuan tandatangan, cop rasmi dan sebagainya manakala *al-ma'nawi* adalah salah satu bentuk pemalsuan yang tidak jelas yang memerlukan kepada penyiasatan dan keterangan sokongan. Dengan kemudahan teknologi yang ada pada hari ini juga, sudah pasti akan wujud cabaran besar terhadap penggunaan dokumen sebagai bukti dan salah satunya ialah dokumen itu mudah terdedah kepada pemalsuan.


Peruntukan Berkaitan Kesalahan Pemalsuan Dokumen Di Bawah Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Malaysia

Dalam bahagian ini, penyelidik akan membincangkan peruntukan berkaitan kesalahan pemalsuan dokumen di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah Malaysia. Menurut fiqh, hukuman bagi kesalahan pemalsuan dokumen adalah di bawah kategori takzir. Takzir dikhaskan untuk kesalahan yang tiada bentuk hukuman ditetapkan, sebaliknya hukuman yang akan disabitkan adalah berdasarkan kepada budi bicara kerajaan, seperti penjara, sebat, buang sekolah, mempamerkan pesalah di tempat awam, dan khidmat masyarakat (Alias, 2022). Imam Al-Māwardī (1995) mendefinisikan takzir sebagai kaedah mendidik pesalah yang melakukan kesalahan yang tidak diklasifikasikan dalam kesalahan hudud. Kadar takzir pula adalah berbeza dan bergantung kepada keadaan dan pesalah itu sendiri.

Ini menunjukkan bahawa, tiada peruntukan khusus bagi kesalahan memalsukan dokumen di bawah perundangan Islam sebaliknya memberi kuasa penuh kepada hakim untuk menjatuhkan

hukuman yang sesuai ke atas pesalah. Menurut ulama Fiqh seperti Imam Abu Hanifah, Imam Syafie, Imam Hanbali, dan Imam Maliki, kesemua mereka berbeza pandangan tentang hukuman yang akan dijatuhkan kepada mereka yang didapati bersalah memalsukan dokumen. Walau bagaimanapun, mereka bersetuju menyatakan bahawa kesalahan melakukan pemalsuan dokumen adalah di bawah takzir dan hukumannya adalah berdasarkan keputusan yang dikeluarkan oleh hakim (Wan Ismail, 2020).

Di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah Malaysia pula, tiada peruntukan khusus bagi kesalahan melakukan pemalsuan dokumen, sebaliknya, kesalahan tersebut hanya diklasifikasikan sebagai penghinaan terhadap kesalahan Mahkamah. Bagi kesalahan seperti ini, Seksyen 229 (1) Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 [Akta 585] dirujuk seperti di bawah:



Rajah 1: Seksyen 229 (1) Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 [Akta 585]

Sebagai kesimpulannya, di bawah bidang kuasa Syariah, tiada peruntukan khusus bagi kesalahan pemalsuan secara umum. Sebaliknya, ia disabitkan di bawah kesalahan menghina Mahkamah sahaja. Penyelidik berpendapat bahawa Mahkamah Syariah Malaysia perlulah merujuk amalan dan praktis pengamal undang-undang sivil ketika mengendalikan kes-kes berkaitan pemalsuan dokumen dan menganalisis peruntukan yang ditetapkan di bawahnya. Ini bertujuan untuk menambah baik institusi Mahkamah Syariah apabila menangani kes-kes yang melibatkan pemalsuan dokumen pada masa akan datang.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, dokumen adalah salah satu bentuk kaedah pembuktian yang paling kerap digunakan di Mahkamah Sivill dan juga Mahkamah Syariah pada zaman ini. Ini kerana, dokumen memainkan peranan penting sebagai alat pembuktian di mahkamah, bagi mensabitkan atau menafikan sesuatu dakwaan. Walau bagaimanapun, bukti sebegini juga tidak akan terlepas daripada berlakunya pemalsuan dan penipuan disebabkan perilaku orang yang tidak bermoral dalam melakukan perbuatan tersebut. *Al-tazwir* ialah perkataan Arab yang bermaksud pemalsuan. Menurut perundangan Islam, pemalsuan dokumen adalah salah satu perbuatan yang sangat keji dan termasuk dalam kategori dosa besar. Penyelidik juga turut mengemukakan dua bentuk pemalsuan dokumen yang biasa berlaku, iaitu *al-maddi* dan *al-ma'nawi*. Di akhir kajian ini, penyelidik telah menganalisis peruntukan berkaitan kesalahan pemalsuan dokumen di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah Malaysia. Kajian menunjukkan, tiada peruntukan khusus bagi kesalahan pemalsuan secara umum di bawah bidang kuasa Syariah. Sebaliknya, ia disabitkan di bawah kesalahan menghina Mahkamah sahaja. Oleh itu, diharapkan agar sebuah kajian lanjutan berkaitan pembentukan garis panduan atau tatacara dalam menangani kes-kes pemalsuan dokumen di Mahkamah Syariah Malaysia dapat dijalankan supaya dapat dijadikan panduan kepada pegawai-pegawai Syariah untuk menangani kes-kes sebegini dengan lebih baik pada masa akan datang.

PENGHARGAAN

Setinggi ucapan terima kasih buat pihak yang terlibat terutama Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia yang telah memberi kerjasama, sokongan dan bantuan kemudahan dalam menyiapkan kajian ini.

RUJUKAN

Al-Quran.

A. Othman, M. S. (1990). *Undang-Undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Hadi, K. A., & Paino, H. (2016). Legal Perspectives Towards Forgery, Fraud and Falsification of Documents: Recent Development. *Malaysian Accounting Review*, 15(2), doi: <http://dx.doi.org/10.24191/mar.v15i2.589>

Ahmad, M. H., Baharuddin, A. S., Zakaria, M. A., Nordin, N., Ishak, S. K., & Othman, N. K. (2020). Bukti Saintifik dan Penerimaannya di Mahkamah Syariah: Analisis Perundangan bagi Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah (Scientific Evidence and Its Admissibility in Syariah Court: Legal Analysis of Syariah Court Evidence Law). *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 32(1), 67-92.

Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561].

Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 [Akta 585].

Alias, M. A. A. (2022). *The Falsification of Documents in Marriage Cases under the Civil and Syariah Courts in Malaysia: An Appraisal Analysis*. (Disertasi Sarjana). Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan.

Alias, M. A. A., Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., & Abdul Mutalib, L. (2021b). An Overview on the Falsification of Document according to Fiqh and Legal Perspectives.

- Proceeding of the 8th International Conference on Management and Muamalah, Faculty of Management and Muamalah, Kolej Universiti Islam Selangor, 238-247.*
- Alias, M. A. A., Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., & Abdul Mutalib, L. (2021a). Legal Analysis of Syariah Court Evidence Law on Digital Document as Evidence and Its Admissibility in Court Proceedings: Analisis Perundangan bagi Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah terhadap Dokumen Digital sebagai Kaedah Pembuktian dan Kebolehterimaannya dalam Prosiding Mahkamah. *Journal of Management and Muamalah*, 11(2), 54 - 64.
- Alias, M. A. A., Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., & Mutalib, L. A. (2021d). The Application of Forensic Science Element in Documentary Evidence: A Review in Malaysian Syariah Court. *Proceeding of the 8th International Conference on Management and Muamalah, Faculty of Management and Muamalah, Kolej Universiti Islam Selangor*, 268-276.
- Alias, M. A. A., Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., & Mutalib, L. A. (2021c). Systematic Literature Review on the Concept of Document Falsification according to Islamic Syariah Law. *International Seminar on Islam and Science (SAIS), Negeri Sembilan, Universiti Sains Islam Malaysia*, 729-738.
- Al-Mausū'ah Al-Fiqhiyyah. (1984). *Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah*. Kuwait: Isdar Wizarah al-Auqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah.
- Al-Māwardī. (1995). *Al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayah al-Diniyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Mubarak, Z. G. (2005). *Al-Khibrah al-Fanniyyah fii Ithbat al-Tazwiir fii al- Mustanadat al-Khatiyyah Fannan wa Qanunan*. Amman: Dar al-Thaqafah.
- Al-Ṭabarī. (1405H). *Jami' al-Bayan an Ta'wil*. Jilid 19. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhaylī. (1994). *Wasa'il al-Ithbat fi al-Syari'ah al-Islamiyyah wa al-Mu'amalat al-Madaniyyah wa al-Ahwal al-Syakhshiyyah*. Jilid 2. Riyadh: Maktabah al-Mu'ayyad.
- Babbie E. 2010. *The Practice of Social Research*. USA: Wadsworth Cengage Learning.
- Bowen, G. A. (2009). Document Analysis as a Qualitative Research Method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27-40. Diambil daripada <https://www.emerald.com/insight/content/doi/10.3316/QRJ0902027/full/html>
- Halijah Abdul Rahman lwn Zambree Baharom* [2009] 1 CLJ (SYA) 402.
- Ibn 'Ābidīn. (1995). *Hasyiah Radd al-Mukhtar 'ala al-Dur al-Mukhtarn Syarh Tanwir al-Absar*. Volume 2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (2007). *Al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Syar'iyyah*. Makkah: Dar 'Am al-Fawa'id.
- Ibn Kathīr. (2003). *Tafsir Ibnu Katsir*. Jilid 1. Indonesia: Pustaka Imam asy-Syafi'i.
- Ibn Kathīr. (2003). *Tafsir Ibnu Katsir*. Jilid 5. Indonesia: Pustaka Imam asy-Syafi'i.
- Kamal, M. (2015). *Tazwir al-Khutut Turuqu Irtikabiha wa Wasa'il Kasyfih*. Dar al-Nadhah: Al-Kaherah.
- Leavy, P. (2017). *Research Design: Quantitative, Qualitative, Mixed Methods, Arts-Based, and Community-Based Participatory Research Approaches*. New York: The Guilford Press.
- Mahmoud Hasan, S. B. (2010). *Ahkam Jara'im al-Tazwir fi Fiqh al-Islami*. Nablus: Universiti al-Najah.

- Sabitha Marican. 2005. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall.
- Syinyur. (2005). *Al-Ithbat bi al-Khibrah baina al-Qada' al-Islami wa al-Qanun al-Dauli wa Tatbiqih al-Mu'asirah: Dirasah al-Muqaranah*. Amman: Dar al-Nafa'is.
- Urus, N. S. T., & Azhar, A. (2018). The Application of Fatwa in Court Decision Making. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3(9), 83-94.
- Wan Ismail, W. A. F. (2015). Forms of Document Falsification in Malaysia's Syariah courts. *Geografia : Malaysian Journal of Society and Space*, 11 (9), 32-39.
- Wan Ismail, W. A. F. (2020). *Keterangan Dokumentar Menurut Fiqh dan Undang-undang Keterangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Ismail, W. A. F., Abdullah, Z. H., Abd Murad, A. H., Che Amani, N., Mutalib, L. A., Hanafi, L. H., & Khir, M. M. (2015). Bentuk-Bentuk Pemalsuan Dokumen Menurut Fiqh dan Perundangan Islam di Malaysia: Satu Analisa. *The e-Journal of Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 2(1).
- Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Mutalib, L. A., & Alias, M. A. A. (2021b). An Appraisal of Digital Documents as Evidence in Islamic Law. *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*, 10(3), 198. Diambil daripada <https://doi.org/10.36941/ajis-2021-0076>
- Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Mutalib, L. A., & Alias, M. A. A. 2021a. A Systematic Analysis on the Admissibility of Digital Documents as Evidence in Malaysian Syariah Courts. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 29(3), 1981-1996.
- Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Mutalib, L. A., & Saharudin, N. S. (2019). Understanding of Syariah Practitioners in Malaysia on Document Forgery. *Humanities & Social Sciences Reviews*, 7(6), 349-355.
- Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Mutalib, L., & Alias, M. A. A. (2020). The Admissibility of Digital Document According to Syariah Law: A Preliminary Analysis. *International on Syariah and Law (INSLA)*, 3(1), 471 - 480.
- Yahya, A., Azam, A., & Hassan, A. (2017). Keterangan Dokumen dalam Bentuk Digital di Mahkamah Syariah: Analisis Berkaitan Definisi serta Kebolehterimaannya di Sisi Prinsip Syariah di Malaysia. *UKM Journal Article Repository*, 1, 1-12.